

04 FEB 2002

Abdullah-Pekerja

MAJIKAN YANG SUDAH DAPAT KELULUSAN BOLEH AMBIL PEKERJA INDONESIA

PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Majikan yang sudah mendapat kelulusan lebih awal untuk mengambil pekerja Indonesia tetapi belum membawa mereka ke Malaysia, boleh terus mendapatkan khidmat mereka, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini telah diputuskan pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing yang dipengerusikan Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

Majikan ini dibenarkan membawa masuk jumlah pekerja Indonesia yang dipohon, katanya pada satu persidangan berita selepas mesyuarat itu yang diadakan di Kementerian Dalam Negeri di sini.

"Dalam perkara ini Jabatan Imigresen dan Atase di Jakarta, Pekan Baru, Medan dan Pontianak hendaklah melaksanakan keputusan itu dengan meneruskan menerima bayaran dan kelulusan visa," katanya.

Abdullah berkata kerajaan tidak akan menghalang majikan memohon pekerja asing Indonesia tetapi kelulusan pengambilan adalah atas budibicara kerajaan.

Malaysia telah mengumumkan rancangan untuk menghantar separuh daripada pekerja Indonesia pulang kerana jumlah mereka sudah terlalu ramai di negara ini dan telah meletakkan Indonesia sebagai pilihan terakhir dalam pengambilan pekerja asing berikutan keganasan dan rusuhan yang dilakukan pekerja Indonesia dan pergaduhan sesama mereka dalam kejadian berasingan bulan lepas.

Bagaimanapun minggu lepas kabinet membuat keputusan bahawa pengambilan pembantu rumah tidak terlibat dengan keputusan itu kerana kebergantungan penduduk negara ini khususnya keluarga golongan wanita yang bekerja.

Katanya beliau bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn akan bertemu dengan wakil Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia esok berhubung dasar baru kerajaan terhadap pengambilan pekerja asing.

Abdullah juga berkata untuk permohonan pengambilan pekerja asing akan datang, kerajaan juga akan memutuskan sektor mana yang difikirkan perlu.

Mesyuarat itu juga membuat keputusan untuk mengambil pekerja asing dari kawasan lain yang jarang diambil bekerja dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) diarahkan untuk mengenalpasti negara-negara yang boleh menjadi sumber pekerja asing itu, katanya.

"Umumnya kita lebih suka untuk mengambil pekerja dari negara jiran iaitu dalam semangat kerjasama Asean," katanya.

Dalam hal ini juga, Abdullah berkata Malaysia tidak boleh selama-lamanya terlalu bergantung kepada pekerja asing dan kaedah perlu dicari untuk mengatasi masalah berkenaan.

Malaysia akan membenarkan majikan mengambil sumber pekerja dari negara yang biasa diambil tetapi selepas ini tanggungjawab yang lebih tinggi akan ditekankan begitu juga syarat pengambilan, katanya.

Ditanya mengenai pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan wakil negara Indonesia baru-baru ini, beliau berkata keputusan yang diberi adalah sama iaitu tindakan Malaysia bukan kepada semua pekerja Indonesia tetapi mereka yang melakukan kesalahan dan yang datang secara haram.

"Kalau semasa bekerja dalam tempoh yang dibenarkan dan mempunyai permit itu berlaku sesuatu (yang melanggar undang-undang) tindakan akan diambil terhadap mereka," katanya.

Abdullah berkata seramai 700 orang pendatang tanpa izin dari pelbagai

negara telah dihantar pulang bulan lepas manakala seramai 122,728 orang pada 2001.

Mengenai penahanan 215 warga Afrika dalam beberapa serbuan di sekitar ibukota Jumaat lepas, beliau berkata kerajaan tidak mengenakan diskriminasi terhadap kumpulan atau rakyat negara tertentu tetapi apabila mereka melakukan kesalahan atau jenayah, tindakan mengikut undang-undang akan diambil.

Katanya terdapat pekerja dan pelancong dari sebuah negara di Afrika terlibat dengan peratusan jenayah yang tinggi.

"Syarat kemasukan akan diperketatkan dan ia akan diserahkan kepada Kementerian Luar untuk berbincang dan mengambil kira situasi pada masa ini," katanya ketika ditanya sama ada syarat kemasukan warga Afrika ke negara ini akan diperketatkan selepas ini.

Ditanya mengenai dakwaan media Barat kononnya Malaysia menjadi tempat pelancaran serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat, Abdullah berkata beliau akan memberi taklimat kepada pegawai Wisma Putra mengenai perkara itu bagi mereka membuat persediaan menjawab tohmahan berkenaan.

"Perkara ini adalah dalam imaginasi mereka (media Barat) semata-mata," katanya.

Beliau berkata Malaysia akan memperbetulkan tuduhan itu melalui duta dan wakil Malaysia di luar negara.

-- BERNAMA
SHS SHI RON